

Headline **Pas guna isu remeh tarik perhatian pengundi**
 Date **26. Jan 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Utusan Malaysia** Page No **5**
 Section **Dlm Negeri** Article Size **387** cm2
 Circulation **238082** Frequency **Daily**
 Readership **833287** Color **Full Color**



Pas guna isu remeh tarik perhatian pengundi



NIK Mustapha Raja Abdullah (dua dari kanan) bertukar dokumen dengan Azizan Ayob sambil disaksikan Mustapa Mohamed (tengah) pada majlis menandatangani MoU antara Bernas dengan UPM di Kuala Lumpur, semalam.

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA

KUALA LUMPUR 25 Jan. - Pas sudah ketandusan idea dan hanya mampu menggunakan isu-isu remeh di Kelantan sebagai umpan untuk menarik perhatian rakyat.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, perkara remeh yang sering dipertikaikan oleh Pas pula adalah isu-isu kecil yang sudah lama diketahui ramai dan telah ditangani.

Jelas beliau, tiada isu nasional yang memperjuangkan nasib rakyat dibawa oleh parti itu setiap kali tiba pilihan raya.

"Akhirnya rakyat di Kelantan pun hilang keyakinan dan ini sudah terbukti dengan kebolehan Barisan Nasional (BN) menawan satu kerusi Parlimen dan dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum tahun 1999.

"Pada pilihan raya umum 2004, BN berjaya mempertingkatkan undi dengan mendapat sembilan kerusi Parlimen dan 22 kerusi DUN. Ini menunjukkan rakyat mulai sedar dan mahukan BN," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Mustapa yang juga Ahli Parlimen Jeli diminta mengulas mengenai kenyataan pihak pembangkang yang mengatakan BN tidak mampu menawan Kelantan ekoran banyak isu yang timbul.

Beliau memberitahu, BN telah melakukan banyak projek pembangunan untuk rakyat antaranya bantuan pelajaran iaitu melalui kumpulan wang amanah rakyat miskin.

Selain itu, tambahnya, kerajaan telah mengagihkan RM200 juta khusus untuk pelajar miskin.

"Peruntukan itu bertujuan untuk membiayai pendidikan asas pelajar yang berasal dari keluarga kurang berkemampuan," jelasnya.

Terdahulu, MoU itu ditandatangani oleh Ahli Lembaga Pengarah Bernas, Datuk Azizan Ayob bagi pihak Bernas, manakala UPM diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah.

MoU itu bertujuan meningkatkan usahasama penyelidikan dan pembangunan pertanian khususnya berkaitan padi dan beras serta kajian dalam bidang makanan, kejuruteraan dan penghasilan produk-produk kesihatan berasaskan beras.

Sementara itu Azizan memberitahu, melalui MoU itu, Bernas menyediakan dana tambahan sebanyak RM16.8 juta bagi tempoh 10 tahun

kepada UPM untuk meningkatkan kajian penyelidikan.

"Sebelum ini, Bernas telah menyediakan RM5 juta pada tahun 2004, menjadikan keseluruhan peruntukan kira-kira RM21.8 juta," katanya.